

IQRA'



جامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



ibraryuitm



library.uitm.edu.my



m/s 9
*Live@PTAR Bicara Khas Sempena Festival Semarak KLWBC 2020 Peringkat Kebangsaan:
“Membaca Meningkatkan Nilai Diri”*



m/s 17
Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Ptar Kampus Permatang Pauh, Cawangan Pulau Pinang



m/s 10
*Live@PTAR Bicara Pakar:
“Peranan Majlis Raja-Raja Dalam Pentadbiran Negara”*



m/s 14
Majlis Kemuncak Program Khidmat Masyarakat: Misi IQRA PTAR UITM Cawangan Pulau Pinang



m/s 20
World #QuranHour 2021/1442H Peringkat UITM Cawangan Perak



PROGRAM LIVE@PTAR SIRI 15 BICARA BUKU
BERSAMA PENULIS BUKU "UNFOLLOW THE FLOW"
14 APRIL 2021



BULETIN

Disediakan oleh : Noor Azreen Abd. Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN SHAH ALAM



Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bersama Aiman Azlan dalam segmen bicara buku. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan, Encik Aiman Azlan, Penulis buku Unfollow The Flow terbitan IMAN Publication. Buku Unfollow The flow ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris yang mudah dan boleh difahami oleh semua lapisan masyarakat. Dalam pada itu, panel jemputan juga mewarnai program dengan memperkenalkan diri dan latar belakang penulis, berkongsi isi kandungan buku, pandangan penulis tentang industri buku serta harapan penulis dalam penerbitan buku. Buku ini memiliki 3 tema utama yang menarik iaitu purpose, principles dan passion. Buku ini juga memberi mesej kepada pembaca supaya memulakan sesuatu dengan apa yang kita ada, ikut dan buat apa yang menggembirakan kita, fikir akan apa yang kita mahukan dan buat pilihan yang terbaik. Semoga perkongsian pada kali ini memberi manfaat sekaligus menggalakkan minat masyarakat membaca setiap hari.